

WARNA HITAM MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN SIGNIFIKANNYA DALAM BUDAYA TRADISIONAL MELAYU

Norwardatun Mohamed Razaliⁱ & Siti Mardhiyah Kamal Azharⁱⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. wardatun@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. mardhiyah@usim.edu.my

Abstrak

Warna merupakan sebahagian daripada elemen penting dalam kehidupan manusia. Terdapat dalam Al-Quran, Allah SWT menyebut secara khusus warna-warna tertentu bagi menggambarkan keadaan tertentu. Di antara warna yang ialah warna hitam yang mana ia mempunyai konotasi tersendiri dan juga perkaitannya dengan kehidupan manusia. Namun begitu, penggunaan warna hitam dalam setiap ayat pastinya membawa makna berbeza justeru memerlukan pemahaman dan tafsiran khusus menurut pandangan ulama' tafsir. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ayat Al-Quran yang menyebut warna hitam secara langsung dan tidak langsung serta penggunaannya dalam budaya tradisional Melayu. Bagi mencapai tujuan ini, penulis akan menggunakan kaedah induktif dengan cara mengumpul ayat-ayat Al-Quran yang mengandungi lafaz warna hitam serta menganalisis penggunaannya di dalam setiap ayat. Kemudian melihat penggunaan warna hitam di dalam budaya tradisional Melayu khususnya. Hasil analisis awal mendapati terdapat tujuh perkataan menerusi enam ayat yang menyebut warna hitam yang masing-masing digunakan secara hakiki dan majazi bagi menggambarkan kesedihan, keduakaan, balasan kekufuran dan pendustaan terhadap Allah SWT. Penggunaan warna hitam dalam budaya tradisi Melayu dilihat selari dengan penggunaannya dalam Al-Quran dari sudut makna secara metafora, hakiki dan konotasi negatif.

Kata kunci: Warna Hitam, Tradisi Melayu, Al-Qur'an.

PENDAHULUAN

Dalam Al-Quran, Allah SWT menyebut warna-warna secara khusus bagi menggambarkan tentang warna tertentu. Terdapat enam warna utama yang disebutkan dalam Al-Quran iaitu: putih, hitam, kuning, hijau, merah dan biru. Walaubagaimanapun, artikel ini hanya akan membincangkan warna hitam sebagai topik utama kajian, menganalisis dari sudut penggunaan warna hitam dalam setiap ayat Al-Quran, kemudian melihat signifikannya dengan penggunaan warna tersebut dalam budaya tradisi Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan kajian kualitatif dengan mengumpulkan ayat-ayat Al-Quran yang mempunyai lafaz yang menggunakan warna hitam. Kemudian, merujuk

kepada kitab-kitab Tafsir Al-Quran mu'tabar pada menafsirkan ayat Al-Quran yang berkaitan dengan makna penggunaan lafaz tersebut secara khusus. Artikel ini juga mengumpulkan maklumat dari artikel jurnal, tesis dan lain-lain berkaitan penggunaan warna hitam dalam tradisi Melayu. Kemudian membandingkan penggunaan warna tersebut dari perspektif Al-Quran dan tradisi Melayu bagi melihat titik persamaan di antara keduanya.

DAPATAN KAJIAN

1) WARNA HITAM DALAM AL-QURAN

Warna hitam sering dikaitkan dengan sisi negatif kerana ia berkait rapat dengan aspek emosi. Setelah mengenalpasti ayat yang memberi makna hitam iaitu "aswad" dalam Al-Quran, secara tepatnya terdapat tujuh perkataan yang mempunyai lafaz warna hitam yang disebut menerusi enam ayat.

Jadual 1: Jumlah perkataan dan ayat yang mengandungi perkataan warna hitam

Perkataan	Surah
مسودا	Az-Zukhruf: ayat 17 Surah An-Nahl: ayat 58
الأسود	Al-Baqarah: ayat 87
سود	Fatir: 27
مسودة	Az-Zumar: ayat 60
اسودت	Ali-Imran: ayat 106
تسود	Ali Imran: ayat 106

Seterusnya pengkaji mengkategorikan tujuh perkataan tersebut kepada tema-tema seperti berikut;

Pertama: Kegelapan Malam

﴿ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَبَيِّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ۗ ﴾¹

Maksudnya: dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam), iaitu waktu fajar (al-Baqarah: 187)

¹ Surah al-Baqarah, 2: 187.

Dalam ayat ini, perkataan (الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ) merupakan tanda datangnya waktu malam yang mana ia menghilangkan cahaya siang, sebagaimana disebutkan di dalam ayat lain:

﴿وَأَيَّةٌ لَهُمُ اللَّيْلُ نَسَلُحٌ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ﴾²

Maksudnya: Dan lagi dalil yang terang untuk mereka (berfikir) ialah malam; Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta-merta mereka berada dalam gelap-gelita.

Perkataan *al-aswad* dalam ayat di atas membawa makna *majazi* (metafora). Menurut sebuah hadith, "Daripada A'diyy bin Hatim RA, dia berkata: Ketika ayat ini turun: Maka aku meletakkan benang hitam dan benang putih dibawah bantalku, dan aku mulai melihat malam, sehingga tidak terlihat olehku kedua-dua benang tersebut, maka aku datang kepada Rasulullah SAW, lalu aku menceritakan hal itu kepada Baginda, lalu Baginda bersabda: " Ia adalah kegelapan malam dan cerahnya siang."

Hitam di sini menunjukkan kegelapan malam, sebagaimana Ibn Kathir menyatakan bahawa cahaya pada waktu subuh berbeza dengan gelapnya malam. Maka benang putih dan benang hitam digunakan di dalam perumpamaan ini bagi menghilangkan kekeliruan³.

Justeru, penggunaan warna hitam yang terkandung dalam ayat ini membawa makna metafora yang bermaksud kegelapan malam.

Kedua: Kesedihan dan Dukacita

﴿وَيَجْعَلُونَ لِلَّهِ الْبَنَاتِ سُبْحَانَهُ وَلَهُمْ مَا يَشْتَهُونَ ٥٧ وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِالْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ﴾⁴

Maksudnya: Dan mereka mengatakan Allah mempunyai anak-anak perempuan. Maha Suci Ia. Sedang bagi mereka pula mereka sediakan apa yang mereka sukai (anak-anak lelaki). Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati.

Di dalam ayat ini Allah swt menceritakan keadaan golongan musyrik yang menjadikan para malaikat sebagai anak perempuan Tuhan, dan menjadikan anak

² Surah Yaa Sin, 36: 37.

³ Ibnu Kathīr, Ismail. (1998). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm (Tafsīr Ibnu Kathīr)*. Beirut: Dārul Kutub al-Ilmiyyah. Jilid 4, muka surat 378.

⁴ Surah an-Nahl, 16: 57-58.

perempuan sebagai sembah (menyekutukan Allah). Maka ini merupakan kebatilan yang nyata kerana Allah SWT tidak mempunyai anak dan tidak diperanakkan.

Hakikat ini menyalahi tradisi kehidupan mereka kerana walaupun mereka menjadikan para malaikat sebagai anak perempuan Tuhan, mereka tidak pula redha apabila memiliki anak perempuan dan lebih memilih anak lelaki berada dalam kalangan mereka⁵. Ini kerana menerusi ayat lain, Allah SWT menjelaskan berkaitan perbuatan orang jahiliyyah yang menjadikan malaikat sebagai anak perempuan Tuhan;

﴿وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُمْ بِمَا ضَرَبَ لِلرَّحْمَنِ مَثَلًا ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ﴾⁶

Maksudnya: Padahal apabila diberitahu kepada salah seorang dari mereka dengan (berita bahawa ia beroleh anak perempuan seperti) yang dijadikannya sekutu yang sejenis dengan Allah Yang Maha Pemurah, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati.

Keadaan ini dapat kita lihat apabila masyarakat ketika itu apabila dikhabarkan sahaja kelahiran anak perempuan, wajah mereka bertukar menjadi kehitaman disebabkan dukacita dan kesedihan yang mendalam di hati mereka⁷. Imam al-Tabari ketika mentafsirkan ayat ini berkata: “Dan apabila salah seorang daripada mereka (orang jahiliyah yang telah menjadikan anak perempuan sebagai anak Allah) diberikan dengan kelahiran anak perempuan, maka wajahnya menjadi kehitam-hitaman disebabkan kebencian terhadapnya”⁸. Dan orang arab jahiliah ketika mendengar kelahiran anak perempuan, mereka akan merasa sedih dan dukacita, lalu ditanam anak itu hidup-hidup⁹.

Daripada ayat ini Al-Quran menggunakan warna hitam dengan lafaz (ظل وجهه) bagi menjelaskan tentang dukacita dan kesakitan yang mendalam di dalam hati. Sebagaimana Imam Al-Razi menjelaskan “Sesungguhnya orang-orang yang telah berbuat demikian, mereka telah berpaling daripadanya, dan mereka telah bersedih hati¹⁰. Imam al-Razi juga mendefinisikan mengenai ekspresi wajah yang muncul di setiap keadaan yang dialami seseorang adalah ungkapan ruh yang menyatu dalam zahir setiap manusia. Pada dasarnya beliau ingin menyebutkan

⁵ Ibnu Kathir, *Tafsir Al-Quran al-Azhim*. Jilid 4, muka surat 494.

⁶ Surah az-Zukhruf, 43: 17.

⁷ Ibnu Kathir, *Tafsir Al-Quran al-Azhim*. Jilid 4, muka surat 495.

⁸ At-Thobari, Muhammad Ibnu Jarir. (2000). *Jami' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*.____: Muassasah ar-Risalah. Jilid 17, ms 227.

⁹ Ibid.

¹⁰ Al-Razi, Fakhr al-Din. (1999). *Mafātih al-Ghaib (Tafsīr ar-Rāzī)*. Beirut: Dar Ihyā' at-Turāth al-'Arabiyy. Jilid 29, ms 225.

bahawa setiap ekspresi yang terjadi pada wajah manusia adalah sebuah ungkapan kejadian dari berita yang diperolehnya¹¹.

Justeru, perkataan (مسودا) atau warna hitam dalam kedua-dua ayat di atas digunakan dengan makna metafora, bagi menunjukkan emosi negatif iaitu kesedihan dan dukacita yang terzahir pada wajah orang arab jahiliyyah akibat berita yang tidak menyenangkan hati mereka.

Ketiga: Warna Gunung-ganang

﴿وَمِنَ الْجِبَالِ جُدَدٌ بَيضٌ وَحُمْرٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهَا وَعَرَابِيْبٌ سُودٌ﴾¹².

Maksudnya: Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam (Fathir: ayat 27).

Di dalam ayat ini, perkataan (سود) datang dengan perkataan (عَرَابِيْبٌ) menunjukkan warna hitam pekat¹³. Sekiranya dibandingkan dengan perkataan (بَيضٌ وَحُمْرٌ), yang disertakan selepasnya lafaz (مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ), sedangkan pada lafaz (سود) tiada lafaz tersebut, kerana perkataan *gharbib* itu sendiri sudah menunjukkan warna yang tersangat hitam pekat yang tidak bercampur dengan warna lain¹⁴.

Justeru, penggunaan perkataan hitam dalam ayat ini adalah untuk mengekspresikan makna sebenar dan warna gunung-gunang. Tambahan pula, warna hitam yang dijelaskan pada ayat ini merupakan warna yang tersangat hitam, dan tiada warna gunung ganang lain yang lebih hitam darinya. Ini berbeza dengan warna gunung-ganang yang putih dan merah yang mempunyai darjat warna yang berbeza-beza.

Keempat: Wajah Pendusta di Hari Akhirat

﴿وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ تَرَى الَّذِينَ كَذَبُوا عَلَى اللَّهِ وُجُوهُهُم مُّسْوَدَّةٌ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْمُتَكَبِّرِينَ﴾¹⁵.

Maksudnya: Dan pada hari kiamat, engkau akan melihat orang-orang yang berdusta terhadap Allah (dan yang menyatakan kesedihan itu) - muka mereka hitam legam;

¹¹ Jamal, K., Harahap, N. S., & Dalimunthe, D. B. (2020). WARNA DALAM AL-QUR'AN PERSPEKTIF FAKHR AL-DIN AL-RAZI. *Aqlam Journal of Islam and Plurality*, 5(2). Muka surat 161.

¹² Surah Fathir, 35: 27.

¹³ Ibnu Kathir, *Tafsir Al-Quran al-Azhim*, ms 481, jilid 6.

¹⁴ Abu Hafs, Siraj al-Din Umar. (1998). *Al-Lubab fi Ulum al-Kitab*. Beirut: Dārul Kutub al-'Ilmiyyah. Jilid 16, ms 130.

¹⁵ Surah az-Zumar, 39:60.

bukankah (telah diketahui bahawa) dalam neraka Jahannam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang yang sombong takbur?

Manakala warna hitam pada ayat ini digunakan bagi menjelaskan wajah golongan yang mendustakan Allah SWT pada hari akhirat. Perbuatan dusta (التكذيب) disini dijelaskan dengan beberapa makna, dan makna yang masyhur ialah “mengkhabarkan sesuatu yang bertentangan dengan khabar yang asal”.¹⁶ Oleh itu pentakrifan pendusta ialah mengkhabarkan sesuatu bertentangan dengan yang asal, tanpa melihat kepada pengetahuan penyampai tersebut samaada khabar tersebut benar atau bertentangan dengan yang asal. Pandangan lain memahami pendusta di sini ialah tidak hanya mengkhabarkan sesuatu yang bertentangan dengan yang asal, tetapi mesti disertakan syarat wujudnya niat dari pemberi khabar untuk menyampaikan khabar tersebut bertentangan dari yang asal¹⁷. Sebagai contoh golongan kafir Quraisy menyifatkan berhala-berhala itu sebagai Tuhan walaupun mereka tahu bahawa ia adalah benda-benda yang tidak bernyawa¹⁸. Mereka dianggap pendusta kerana berniat untuk menyembunyikan kebenaran walaupun mereka mengetahuinya.

Al-Saadi menambah dalam tafsiran ayat ini, bahawa mendustakan Allah tidak terhad kepada mengatakan sesuatu yang bertentangan dengan apa yang dikhabarkan dengan niat, tetapi ia termasuk "mensyirikkan Allah dalam bentuk pasangan, anak, dan teman perempuan, dan mengkhabarkan sesuatu yang tidak layak bagi Allah, atau mendakwa kenabian, atau mengatakan tentang sesuatu yang bukan dari syariat-Nya"¹⁹. Oleh itu, perbuatan kafir yang mensyirikkan Allah SWT juga tergolong di dalam maksud Pendusta di dalam ayat ini.

Justeru makna hitam dalam ayat ini bukanlah membawa maksud makna hitam sebagaimana yang biasa kita fahami, tetapi hitam disini adalah menunjukkan kejahatan seseorang dan perbuatan mendustakan Allah SWT²⁰. Digambarkan kejahatan dengan perkataan “hitam” kerana kejahatan selalu dikaitkan dengan kegelapan, dan kegelapan digambarkan sebagai hitam. Begitu juga kejahatan membawa kepada hitamnya hati manusia, maka hati yang hitam membawa kepada wajah yang hitam²¹. As-Saadi menjelaskan, wajah mereka pada hari kiamat menjadi kehitam-hitaman seperti (الليل الباهم) iaitu malam yang gelap gelita. Maka sebagaimana

¹⁶ Al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*. Jilid 27, ms 469-468.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ As-sa'adi, Abdul ar-Rahman bin Nasir. (2000). *Taisir al-karim al-Rahman fi tafsir kalam al-Manan*. _____: Muassasah Risalah. Jilid 1, ms 728.

²⁰ Al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*. Jilid 27, ms 469-468.

²¹ Ibid.

kebenaran itu terang benderang seperti subuh, begitulah juga digelapkan kebenaran dari Pendusta, lalu digelapkan wajah mereka sebagai balasan untuk mereka²².

Kesimpulannya, penggunaan warna hitam dalam ayat ini sebagai metafora untuk kejahilan, kerana kejahilan dibayangkan sebagai kegelapan, dan kegelapan adalah seperti malam yang suram. Ia berbeza dengan orang yang berilmu itu digambarkan sebagai cahaya, dan cahaya itu seperti: matahari yang menerangi di siang hari.

Kelima: Wajah Ahli Neraka

﴿يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ فَأَمَّا الَّذِينَ اسْوَدَّتْ وُجُوهُهُمْ أَكْفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ﴾²³.

Maksudnya: (Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam. Adapun orang-orang yang telah hitam legam mukanya, (mereka akan ditanya secara menempelak): "Patutkah kamu kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu rasalah azab seksa neraka disebabkan kekufuran kamu itu".

Di dalam ayat ini, setelah Allah SWT menyebut wajah orang-orang mukmin, yang merupakan tanda kejayaan dan seterusnya masuk ke dalam Syurga, kemudian Allah SWT menyebut keadaan yang bercanggah dengannya, iaitu gelapnya wajah orang-orang kafir; ahli Neraka. Lafaz (اسودت) di dalam ayat ini mempunyai dua pandangan; pertama: digunakan secara metafora bermakna sedih. Kedua: digunakan secara hakiki, bermakna warna hitam (gelap) muncul di wajah orang kafir²⁴.

Justeru makna yang lebih hampir bagi penulis ialah makna pertama iaitu digunakan secara metafora dengan makna kesedihan, kerana ayat ini adalah perincian bagi keadaan dua golongan itu selepas firman Allah SWT yang disebutkan secara ringkas pada permulaannya:

﴿يَوْمَ تَبْيَضُّ وُجُوهٌ وَتَسْوَدُّ وُجُوهٌ﴾²⁵.

(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam.

Maka dikatakan kepada mereka dengan celaan: "Kamu telah kafir sesudah kamu beriman, iaitu sesudah jelas kepada kamu ayat-ayat dan keterangan-keterangan."²⁶

²² As-sa'adi, *Taisir al-karim al-Rahman fi tafsir kalam al-Manan*. Jilid 1, ms 728.

²³ Surah Ali-Imran, 3:106.

²⁴ Al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*. Jilid 8, ms 317-319.

²⁵ Surah Ali-Imran, 3:106.

Dan lafaz (اسودت) di sini dikhususkan sebagai balasan pada hari akhirat untuk orang yang murtad, atau ahli Kitab yang kafir terhadap Rasulullah SAW setelah beriman adanya Rasul sebelum baginda SAW diutuskan sebagai pesuruh Allah. Ia juga merangkumi semua orang yang kafir setelah mereka mengakuinya, sebagaimana mereka bersaksi terhadap dirinya sendiri, atau beriman setelah melihat keterangan dan ayat-ayatnya²⁷. Justeru, warna hitam di dalam ayat ini juga digunakan secara metafora iaitu kesedihan dan ia dikhususkan bagi golongan murtad yang kafir setelah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.

Kesimpulannya, warna "hitam" yang terdapat dalam Al-Quran membawa makna hakiki dan metafora sebagaimana dijelaskan di jadual 3. Lafaznya yang membawa makna hakiki digunakan ketika menerangkan warna beberapa gunung di permukaan bumi, dan ia disebut sebagai hitam dengan kehitaman yang sangat pekat. Adapun lafaz yang menggunakan warna "hitam" secara metafora, ia membawa beberapa konotasi. Ada di antaranya menunjukkan wajah golongan kafir terutama pada ayat-ayat yang membicarakan keadaan manusia di akhirat, dan ada pula yang menunjukkan kesedihan, terutama pada ayat-ayat yang berbicara tentang keadaan manusia di dunia. Justeru, penggunaan warna "hitam" dalam pengertian metafora dalam ayat-ayat Al-Quran membawa konotasi negatif dalam kebanyakan ayat-ayat Al-Quran.

Jadual 2: Jumlah perkataan, ayat dan makna penggunaan warna hitam di dalam a-Quran

Perkataan	Surah	Makna
مسودا	Az-Zukhruf: ayat 17 Surah an-Nahl: ayat 58	Metafora
الأسود	Al-Baqarah: ayat 87	Metafora
سود	Fatir: 27	Hakiki
مسودة	Az-Zumar: ayat 60	Metafora
اسودت	Ali-Imran: ayat 106	Metafora
تسود	Ali Imran: ayat 106	Metafora

²⁶ As-Sobuni, Muhammad Ali. (1997). *Sofwatu at-Tafasir*. Kaherah: Dar al-Shobuni. Jilid 1, ms 202.

²⁷ Al-Baidhāwī, Nasir ad-Din. (1997). *Anwār at-Tanzīl wa Asrār at-Ta'wīl*. Beirut: Dār Ihyā' at-Turath al-'Arabī. Jilid 2, ms 32.

2) WARNA HITAM DALAM BUDAYA TRADISI MELAYU

Warna, *werna* atau *warena* berasal dari perkataan Sanskrit 'Warna', memainkan peranan penting dalam kebudayaan Melayu²⁸. Ia memperlihatkan hubungan serta interaksi manusia dengan alam sekeliling. Konsep warna berbeza mengikut pandangan dan pengalaman sesebuah masyarakat²⁹.

Warna hitam juga mempunyai kegunaan dan simbol tersendiri di alam Melayu. Di antara signifikan penggunaan warna hitam di alam Melayu boleh dikategorikan kepada beberapa aspek, iaitu:

1) Kematian

Dalam konteks upacara kematian dalam budaya Melayu, warna hitam digunakan sebagai simbol kesedihan dan kedukaan. Pakaian berwarna hitam digunakan oleh ahli keluarga dan sahabat terdekat sebagai tanda berkabung. Ia digunakan untuk menunjukkan rasa simpati dan penghormatan kepada orang yang telah meninggal dunia³⁰. Warna hitam dipakai ketika upacara kematian merupakan sebahagian dari budaya tradisi Melayu, dan ia mencerminkan nilai-nilai budaya yang menghormati orang yang telah pergi dan menunjukkan solidariti terhadap keluarga yang berduka³¹.

Walaupun hitam adalah warna yang menjadi kebiasaan dalam upacara kematian, terdapat juga variasi dalam penggunaan warna lain, bergantung kepada adat dan kepercayaan tertentu. Namun, hitam tetap menjadi pilihan utama dalam banyak situasi berkaitan kematian³². Secara keseluruhan, warna hitam bagi upacara kematian dalam budaya Melayu adalah simbol yang kuat yang mencerminkan kesedihan, penghormatan, dan tradisi berkabung.

2) Pakaian

Menurut Che Husna Azhari³³, warna asas pakaian masyarakat Melayu pada zaman dahulu ialah putih, hitam, dan kuning. Namun begitu, warna kuning dikhususkan untuk raja, permaisuri dan pembesar-pembesar istana. Warna hitam pada pakaian terdapat pelbagai jenis, seperti hitam pekat, hitam legam, dan lain-lain, yang mungkin mempunyai makna dan simbolisme yang berbeza dalam konteks tertentu³⁴.

²⁸ Azhari, C. H. (1999). Teknologi Warna Alam Melayu. *Akademika*, 51(1). Muka surat 53.

²⁹ Ismail, N. Z., Yusuff, N. A., & Daud, B. C. (2019). *Melestarikan elemen Melayu Islam dalam fesyen pakaian masyarakat Melayu*. 2(1), muka surat 2.

³⁰ Ismail, N. 2014. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin* (Tesis Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia). Muka surat 32.

³¹ Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 32.

³² Ibid.

³³ Azhari, C. H. (1999). Teknologi Warna Alam Melayu. *Akademika*, 51(1). Muka surat 32.

³⁴ Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 32.

Pakaian hitam dalam budaya Melayu mempunyai pelbagai makna dan simbolik yang berbeza. Di antaranya, warna hitam dipilih sebagai warna pakaian pilihan bagi pahlawan, hulubalang, atau pendekar. Ia merupakan simbol kuasa dan keberanian. Dalam banyak budaya, warna hitam sering dikaitkan dengan kekuatan dan ketegasan, dan dalam konteks Melayu, ia boleh menunjukkan ketahanan dan keberanian seseorang³⁵.

Walaupun pakaian hitam dipilih bagi melambangkan keberanian, ia juga mempunyai konotasi negatif dalam beberapa konteks seperti perkaitan dengan dengan kuasa yang tidak baik, seperti jin dan makhluk halus yang dianggap jahat³⁶. Contohnya, Skeat menyebutkan bahawa jin yang paling berbahaya dalam kepercayaan Melayu berwarna hitam, menunjukkan kekuatan dan sifat jahatnya³⁷.

Secara keseluruhan, pakaian hitam dalam budaya Melayu adalah simbol yang kaya dengan makna, mencerminkan pelbagai aspek identiti, status, dan kepercayaan dalam masyarakat.

3) Perubatan Tradisional Melayu

Dalam konteks perubatan tradisional Melayu, warna hitam mempunyai beberapa makna dan penggunaan yang penting. Pertama; sebagai simbol penyakit: Dalam perubatan Melayu, warna hitam sering kali dikaitkan dengan pelbagai jenis penyakit. Sebagai contoh, dalam mantera atau ritual penyembuhan, penggunaan perkataan "hitam" mungkin merujuk kepada keadaan yang tidak sihat atau masalah kesihatan tertentu. Ini menunjukkan bahawa warna hitam berfungsi sebagai penunjuk untuk mengenal pasti masalah kesihatan³⁸.

Kedua; penggunaan di dalam mantera yang mengandungi perkataan "hitam" sering digunakan untuk merawat penyakit. Contohnya, dalam serapah untuk penyakit campak, terdapat banyak ungkapan yang menyebut "hitam" untuk menggambarkan keadaan yang perlu diatasi³⁹.

Walaupun hitam sering dikaitkan dengan konotasi negatif dalam beberapa konteks perubatan tradisional Melayu, ia juga boleh dilihat sebagai warna yang mempunyai kekuatan tertentu. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tidak hanya melihat hitam sebagai warna yang negatif, tetapi juga sebagai simbol yang boleh digunakan dalam konteks penyembuhan. Sebagai contoh, penggunaan bahan berwarna hitam dalam perubatan tradisional, seperti herba atau ramuan tertentu yang dipercayai mempunyai khasiat penyembuhan⁴⁰. Adapun, dari sudut ritual penyembuhan dalam perubatan tradisional melayu pula, warna hitam digunakan

³⁵ Ibid.

³⁶ Ibid.

³⁷ Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 31.

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 32.

untuk mengusir atau menangkis unsur-unsur negatif yang dianggap boleh mempengaruhi kesihatan seseorang⁴¹.

Secara keseluruhan, warna hitam dalam perubatan tradisional Melayu mempunyai makna yang kompleks, mencerminkan hubungan antara simbolisme, kepercayaan, dan amalan penyembuhan dalam masyarakatnya.

4) Sebagai Penunjuk dan Tanda Penyakit

Dalam perubatan tradisional Melayu, warna hitam sering dikaitkan dengan penyakit dan keadaan tidak sihat, di mana ia dianggap sebagai simbol negatif yang menunjukkan masalah kesihatan yang memerlukan perhatian segera⁴². Penggunaan warna ini juga dilihat dalam mantera atau serapah penyembuhan, yang menggambarkan sesuatu yang perlu diatasi atau diusir, seperti dalam kes penyakit campak⁴³. Tanda fizikal seperti bintik hitam pada kulit digunakan sebagai petunjuk untuk mengenal pasti penyakit, mencerminkan bagaimana pengamatan terhadap warna dan keadaan tubuh memainkan peranan penting dalam diagnosis⁴⁴.

Dalam beberapa kes, tanda penyakit yang berkaitan dengan warna hitam mungkin memerlukan ritual tertentu untuk mengusir atau merawat masalah tersebut. Ini menunjukkan bahawa warna hitam dalam konteks penyakit bukan sahaja berkaitan dengan simbolisme, tetapi juga dengan amalan penyembuhan yang melibatkan kepercayaan dan tradisi⁴⁵.

Secara keseluruhan, tanda penyakit yang berkaitan dengan warna hitam dalam perubatan tradisional Melayu mencerminkan cara masyarakat mengenal pasti dan memahami masalah kesihatan melalui simbolisme dan pengamatan terhadap warna.

PERBINCANGAN

Sebagaimana disebut sebelum ini, lafaz warna dalam Al-Quran digunakan pada lima keadaan berbeza, dan setiap satunya membawa makna tersendiri. Begitu juga penggunaan warna hitam dalam tradisi Melayu turut dilihat dari beberapa aspek. Apabila dibuat perbandingan di antara keduanya, maka terdapat persamaan yang boleh dilihat dari beberapa aspek.

⁴¹ Ibid.

⁴² Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 31.

⁴³ Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 32.

⁴⁴ Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 5.

⁴⁵ Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 32.

Pertama: Makna metafora

Warna hitam dalam Al-Quran digunakan secara metafora sebagai contoh bagi wajah orang kafir yang hitam menggambarkan kesedihan dan dukacita disebabkan kelahiran anak perempuan, dan juga wajah orang kafir di akhirat akibat mendustakan Allah dan kafir setelah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.

Adapun warna hitam dalam tradisi Melayu pula, terdapat persamaan simbolik penggunaan warna bagi menggambarkan kesedihan, iaitu penggunaan pakaian berwarna hitam yang digunakan oleh ahli keluarga dan sahabat terdekat sebagai tanda berkabung bagi menunjukkan rasa simpati dan penghormatan kepada orang yang telah meninggal dunia⁴⁶.

Kedua: Makna Hakiki

Dalam Al-Quran, warna hitam digunakan dengan makna hakiki bagi menggambarkan warna gunung yang hitam legam, berbanding warna gunung lain iaitu merah dan putih yang mempunyai tahap warna yang berbeza.

Adapun dari sudut tradisi melayu, warna hitam digunakan secara hakiki bagi tujuan perubatan misalnya. Penggunaan bahan berwarna hitam dalam perubatan tradisional, seperti herba atau ramuan tertentu dipercayai mempunyai khasiat penyembuhan⁴⁷. Tanda-tanda fizikal yang berkaitan dengan warna hitam, seperti bintik-bintik hitam pada kulit atau perubahan warna pada bahagian tubuh tertentu juga mungkin dianggap sebagai petunjuk kepada masalah kesihatan⁴⁸.

Ketiga: Konotasi negatif

Dari aspek penggunaan perkataan dengan konotasi negatif, warna hitam yang terdapat dalam Al-Quran digunakan bagi menggambarkan aspek balasan kepada golongan kafir yang mendustakan Allah di hari akhirat.

Adapun dalam tradisi melayu, warna hitam biasanya dikaitkan dengan dengan kuasa yang tidak baik, seperti jin dan makhluk halus yang dianggap jahat⁴⁹. Dalam ritual penyembuhan pula sebagai contoh, ungkapan yang mengandungi perkataan "hitam" mungkin digunakan untuk merujuk kepada keadaan yang perlu diatasi⁵⁰.

⁴⁶Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 32.

⁴⁷ Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 32.

⁴⁸ Ismail, N. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin*, muka surat 5.

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Ibid.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penggunaan warna hitam dalam tradisi masyarakat Melayu mempunyai perkaitan dengan signifikan penggunaan warna hitam dalam Al-Quran. Antaranya penggunaan secara metafora yang menunjukkan kesedihan dan kedukaan. Kedua, penggunaan dengan makna hakiki iaitu gunung-ganang di dalam Al-Quran. Adapun dalam perubatan melayu, warna hitam pada fizikal manusia menandakan penyakit tertentu. Ketiga penggunaan warna hitam digunakan bagi menunjukkan konotasi negatif dalam Al-Quran iaitu balasan bagi orang yang mendustakan Allah. Adapun dalam tradisi Melayu, warna hitam dikaitkan dengan kuasa yang tidak baik seperti jin dan makhluk halus yang dianggap jahat. Justeru pemilihan lafaz “hitam” yang terkandung dalam ayat suci Al-Quran dilihat bukanlah satu pemilihan yang sia-sia, kerana ia mempunyai persamaan dari sudut simbolik kehidupan manusia dan mempunyai makna tersendiri dari aspek tradisi serta adat Melayu.

RUJUKAN

Al-Quran al-karim

Abu Hafs, Siraj al-Din Umar. (1998). *Al-Lubab fi Ulum al-Kitab*. Beirut: Dārul Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Baidhāwī, Nasir ad-Din. (1997). *Anwār at-Tanzīl wa Asrār at-Ta’wīl*. Beirut: Dār Ihyā’ at-Turath al-‘Arabī.

Al-Rāzī, Fakhr al-Din. (1999). *Mafātīh al-Ghaib (Tafsīr ar-Rāzī)*. Beirut: Dar Ihyā’ at-Turāth al-‘Arabiyy.

As-sa’adi, Abdul ar-Rahman bin Nasir. (2000). *Taisir al-karim al-Rahman fi tafsir kalam al-Manan*. ____: Muassasah Risalah.

As-Sobuni, Muhammad Ali. (1997). *Sofwatu at-Tafasir*. Kaherah: Dar al-Shobuni.

At-Thobari, Muhammad Ibnu Jarir. (2000). *Jami’ al-Bayān fi Ta’wīl al-Qur’ān*. ____: Muassasah ar-Risalah.

Azhari, C. H. (1999). Teknologi Warna Alam Melayu. *Akademika*, 51(1). <https://ejournals.ukm.my/akademika/article/download/3062/1953>

Ibnu Kathīr, Ismail. (1998). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azhīm (Tafsīr Ibnu Kathīr)*. Beirut: Dārul Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ismail, N. 2014. *Peranan Warna dalam Budaya Tradisional Melayu dengan Rujukan kepada Sulalat Al Salatin* (Tesis Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia).

Ismail, N. Z., Yusuff, N. A., & Daud, B. C. (2019). *Melestarikan elemen Melayu Islam dalam fesyen pakaian masyarakat Melayu*. 2(1), 74–84.

<http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/download/35/26>

Jamal, K., Harahap, N. S., & Dalimunthe, D. B. (2020). Warna Dalam al-Qur'an Perspektif Fakhr al-Din al-Razi. *Aqlam Journal of Islam and Plurality*, 5(2). <https://doi.org/10.30984/ajip.v5i2.1368>